

NO. SOALAN : 185

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

**Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan apakah usaha yang telah dijalankan
oleh pihak Kementerian dalam mengekang aktiviti sindiket skim piramid
yang dilihat semakin berleluasa.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian amat prihatin dan sentiasa meningkatkan penguatkuasaan bagi menjaga kepentingan pengguna agar kes tipu perdaya jualan langsung dan skim piramid tidak terus berlaku. Antara tindakan dan langkah-langkah pencegahan bagi mengekang aktiviti sindiket skim piramid yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut:-

- i) pemantauan secara berterusan terhadap **modus operandi** syarikat-syarikat jualan langsung melalui pengiklanan, media massa, internet, risalah dan sebagainya;
- ii) **pempertingkatkan pemeriksaan** ke atas premis-premis syarikat Jualan Langsung yang berlesen;
- iii) menjalankan **risikan dan penyamaran** ke atas syarikat Jualan Langsung yang disyaki melanggar syarat lesen dan menjalankan perniagaan bercirikan skim piramid;
- iv) **membatalkan lesen** syarikat jualan langsung ke atas syarikat yang didapati melanggar syarat lesen dan menjalankan aktiviti skim piramid; dan
- v) melaksanakan program **kesedaran pengguna** berkaitan aktiviti penipuan jualan langsung dan skim piramid melalui ceramah, seminar, bengkel, media massa dan edaran risalah.